# ABSTRAK

Isu Penyatuan Semenanjung Korea bukanlah merupakan satu isu yang baru kerana ianya telah diperdebatkan sejak pembahagian negara tersebut hampir 50 tahun lepas. Namun, kejatuhan Soviet dan berakhimya sistem bipolar mendorong kita untuk melihat keadaan ini daripada perspektif yang menyeluruh. Ini adalah perlu memandangkan berubahnya sistem dunia kepada lebih bersifat unipolar di mana Amerika muncul sebagai satu-satunya kuasa di dunia yang mampu menentukan sistem order baru dunia di samping hubungan antara negara-negara contohnya keadaan yang berlaku di Semenanjung Korea kedua-duanya menjadi mangsa kepada pertentahngan Timur dan Barat. Melalui kajian ini, pengkaji akan melihat dan menjelaskan pendekatan kedua-dua Korea ini ke arah penyatuan bermula semasa Perang Dingin sehinggalah ke hari tanpa memihak kepada satu-satu pihak. Ini adalah penting kerana tanpa pendirian yang bersifat adil dan neutral kepada kedua-dua buah negara ini, kita mungkin akan menuding jari kepada satu-satu pihak dan menuduh negara tersebut tidak membuat sebarang inisiatif ke arah penyatuan. Oleh itu, adalah diharapkan kajian ini akan memberi satu gambaran yang jelas mengenai hal ini dan semua pihak yang berminat tentang soal penyatuan (dan ia berkait dengan keselamatan) memikirkan dan menimbangkan semula cadangan ke arah penyatuan.

# ABSTRACT

*The Korean Unification is not a new issue since it was debated after the division of both countries almost 50 years ago. However, the holistic approach in discussing the agenda should have taken into account the demise of the Soviet Union and the end of the bipolar system, which had created the east-west confrontation. These events obviously had led the changes in the international system towards unipolar system whereas the United States existed as a sole actor to determine the new pattern of the new world order. These situations have not only affected the international system itself, but also the relations among states particularly for those countries involved in hostility during the Cold War i.e. Koreans which had become the victim of this east-west confrontation. Through this study, researchers will try to find out and elaborate both Koreans unification approaches without being bias towards any parties. It is fundamental for everybody to know and understand both countries' situation before making any j udgments, not just pointing out and put a one-sided blame without taking any initiatives towards unification. Hopefully, this research will enlighten those who are interested in the issue (also related to the security issues) and rethink the stance in finding out the best solutions to this problem. It is hoped that this research can portray a clearer picture about the efforts towards the establishment of unifying the Koreans.*